



Syarif (kanan) dan Anwarul (dua dari kiri) bersama penerima anugerah yang lain pada Majlis Penghargaan Kepada Pemain dan Pegawai Ragbi di Kelab Cobra Petaling Jaya, malam tadi.

[FOTO OSMAN

MRU mahu kekal dalam Liga Divisyen Satu ARC

Petaling Jaya: Kesatuan Ragbi Malaysia (MRU) akan mencari peruntukan tambahan bagi memantapkan pasukan negara untuk terus kekal dalam Liga Divisyen Satu Kejohanan Ragbi Asia (ARC), tahun depan.

Presidennya, Datuk Wira Amiruddin Embi berkata, peruntukan sebanyak RM1 juta yang disalurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keseluruhan persatuan itu.

"Kami perlu menggunakan inisiatif lain sebagai persiapari awal kerana kami mahu menumpukan terhadap pasukan

kebangsaan untuk kekal dalam divisyen satu.

"Selain itu, ia juga akan digunakan bagi tujuan pembangunan ragbi 15 Sebelah, 17 Sebelah, bawah 20 tahun dan 23 tahun. Apapun kami akan berjumpa dengan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Ahmad Shapawi Ismail untuk mengadakan perbincangan lebih lanjut," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penghargaan Kepada Pemain dan Pegawai Ragbi di Kelab Cobra di sini, malam tadi.

Sebelum ini Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamalud-

din Abu Bakar berkata MRU bakal menerima peruntukan sebanyak RM1 juta tahun depan bagi membantu persatuan itu bertanding dalam Divisyen Satu ARC dan untuk persediaan temasya Sukan SEA 2017.

Sembilan anugerah

Pada majlis terbabit, sembilan anugerah disampaikan kepada pemenang dengan Mohamad Syarif Saiful Aazwan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mendahului dipilih

Pemain Terbaik 15 Sebelah dan Anwarul Hafiz Ahmad dari Universiti Teknologi Mara,

Pemain Terbaik 7 Sebelah.

Rookie Tahunan pula diraih Wan Izzudin Ismail (UPM) manakala Perlawanan Rasmi Terbaik dari Selangor, Nik Ramadhan Nik Abdullah, Lee Nyuk Fah dari Johor menerima anugerah Jurulatih Terbaik dan Nik Safuan Ismade Nik Man dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meraih anugerah Jurulatih Terbaik 7 Sebelah.

Kelab Terbaik untuk Program Pembangunan Ragbi (Termasuk Kesatuan Ragbi Lelaki) milik COBRA, Anugerah Naib Juara Keseluruhan ASIA Bawah 20 Tahun 7 Sebelah diterima ketua jurulatihnya, Mohd Saizul Hafifi dan Anugerah Sepanjang Zaman milik Kolonel Wong Hin Jee, Boon Hoon Chee dan Jagjit Singh Bhat.

Semua anugerah kepada pemenang disampaikan oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar.